

# Kebangkitan ekonomi Malaysia

Laporan Statistik Tenaga Buruh yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan kadar pengangguran pada Jun tahun ini menujun 0.4 peratus bulan ke bulan kepada 4.9 peratus berbanding paras 5.3 peratus yang dicatat pada Mei yang lalu.

Penurunan kadar pengangguran itu membawa kepada dua persoalan berikut:

Pertama, apakah ini bermakna bahawa kadar pertumbuhan ekonomi sukuhan kedua (April hingga Jun) lebih baik berbanding sukuhan pertama (Januari hingga Mac)?

Persoalan kedua pula, adakah ekonomi Malaysia sudah menunjukkan tanda pemulihan?

Untuk menjawab persoalan pertama, indikator guna tenaga dan pengangguran boleh digunakan sebagai petunjuk utama kepada pertumbuhan ekonomi yang diukur berdasarkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Sukuhan pertama (Januari hingga Mac) menunjukkan pengurangan pen-



**Prof Madya  
Dr Mohd  
Yusof Saari**



**Prof  
Dr Muzafar  
Shah  
Habibullah**



ciptaan guna tenaga 53,600 orang akibat daripada kehilangan pekerjaan yang ketara pada Mac.

Situasi sukuhan kedua (April hingga Jun) bertambah buruk dengan pengurangan guna tenaga 242,200 orang akibat daripada kehilangan pekerjaan yang ketara pada April.

Bagaimanapun, kadar kehilangan pekerjaan antara April dan Mei menunjukkan pengurangan dan akhirnya mencatat pertambahan peluang pekerjaan pada Jun.

Berdasarkan trend penciptaan guna tenaga di antara sukuhan pertama dan kedua, pertumbuhan ekonomi untuk su-

kuan kedua dijangka lebih rendah berbanding sukuhan pertama.

Semalam, Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, melaporkan ekonomi negara menguncup 17.1 peratus pada suku kedua kesan dari wabak COVID-19.

Penguncupan itu, katanya yang terburuk sejak krisis ekonomi 1998 menyaksikan ekonomi menguncup sebanyak 11.2 peratus pada suku keempat.

Pada pelaporan pertumbuhan ekonomi lalu, pertumbuhan KDNK sukuhan pertama adalah 0.7 peratus berbanding pertumbuhan ekonomi sukuhan pertama 2019.

Kami menjangkakan pertumbuhan

ekonomi sukuhan kedua adalah -2.4 peratus berbanding dengan sukuhan kedua 2019.

Jawapan kepada persoalan kedua pula adalah memang benar bahawa ekonomi Malaysia sudah 'bangkit semula' ke arah pemulihan ekonomi.

Pertumbuhan ekonomi sukuhan pertama tahun ini adalah -2.0 peratus berbanding sukuhan keempat 2019.

Pertumbuhan sukuhan kedua pula walaupun dijangka negatif, tetapi lebih rendah berbanding sukuhan pertama iaitu pada kadar jangkaan -1.8 peratus.

Di samping itu, kadar pengangguran yang berkurangan pada Jun lalu juga jelas menunjukkan pemulihan ekonomi yang sedang berlaku.

Jika operasi aktiviti ekonomi kekal seperti sedia kala dan wabak COVID-19 dapat dikawal, pertumbuhan ekonomi untuk sukuhan ketiga dan keempat adalah lebih baik dengan angka pertumbuhan positif.

Ini mengambil kira impak ke atas ekonomi hasil suntikan perbelanjaan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

**Penulis adalah pensyarah di Laboratori Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia**